

08 SEP 2002

Bunyamin-Waran

MAHKAMAH KELUAR WARAN TANGKAP TERHADAP BUNYAMIN

KOTA BAHARU, 8 Sept (Bernama) -- Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, mengeluarkan waran tangkap terhadap Pegawai Penerangan PAS Kelantan Bunyamin Yaacob supaya beliau hadir ke mahkamah bagi menghadapi pertuduhan memfitnah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Waran berkenaan dikeluarkan oleh Hakim Mohamad Yazid Mustafa selepas mendapat permohonan daripada Pegawai Penyiasat DSP Hanifah Abdul Kadir pada pukul 9.30 pagi.

Bunyamin, 56, yang juga bekas anggota Parlimen Bachok akan didakwa mengikut Sesyen 500 Kanun Keseksaan kerana kesalahan memfitnah, yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pada 15 Mac lepas, Bunyamin ketika berceramah di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa di sini, dilaporkan sebagai berkata bahawa Dr Mahathir menonton video lucu bersama cucu lelakinya dan Perdana Menteri menyifatkan tuduhan itu sebagai satu pembohongan.

Petikan ceramahnya disiarkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) baru-baru ini. Pelbagai pihak termasuk di Kelantan, Terengganu dan Kedah turut membuat laporan polis terhadap Bunyamin.

Dalam sidang berita di sini, petang ini, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, ACP Abdul Rahim Jani berkata waran berkenaan belum dapat diserahkan kepada Bunyamin yang sedang dirawat di Hospital Kota Baharu (HKB) di sini sejak Khamis lepas.

"Kami telah pergi ke hospital melawat beliau (Bunyamin) untuk menyempurnakan waran tangkap dan kami juga telah meminta nasihat daripada doktor pakar yang merawat beliau dan didapati keadaan Bunyamin tidak stabil untuk dibawa ke mahkamah," kata Abdul Rahim.

Menurut seorang anak perempuan Bunyamin yang tidak mahu namanya disiarkan, ayahnya dimasukkan ke HKB kerana demam dan muntah-muntah selain menghidap penyakit buah pinggang dan kencing manis.

Polis juga mempunyai rancangan untuk membawa Majistret atau Hakim ke hospital tetapi selepas berbincang dengan doktor pakar, Bunyamin didapati hanya boleh mendengar tetapi tidak boleh bercakap.

"Jadi kita bawa hakim ke sana pun tak bermakna...tak membawa erti kerana dia (Bunyamin) boleh dengar tetapi tidak boleh bercakap, dia tak stabil langsung," katanya.

"Kita akan sempurnakan waran itu apabila doktor pakar mengesahkan yang dia boleh hadir ke mahkamah," katanya.

Ditanya adakah polis akan menempatkan anggotanya mengawasi Bunyamin di hospital itu, beliau berkata:"tak ada...dia bukan orang tahanan atau orang salah lagi...kita belum pun tangkap dia," katanya.

-- BERNAMA

ZI BD PR